



SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI

SKIM BAHARU DI BAWAH PERKESO

Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri.

Sebagai permulaan skim ini diwajibkan ke atas pemandu tekси dan perkhidmatan seumpamanya di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017. Akta ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2017.

Perlindungan bagi tempoh bulanan dan tahunan bermula dari tarikh dan masa caruman dibayar dan diperakui menerusi cetakan pada resit bayaran caruman.



SKIM BENCANA KERJA PEKERJAAN SENDIRI

Skim ini memberi perlindungan kepada orang berinsurans bekerja sendiri daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan.

Penyakit pekerjaan adalah penyakit yang berpunca atau terbit daripada pekerjaan yang dinyatakan dalam Jadual Kelima Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan 1969.

Skim ini menyediakan faedah tunai kepada orang berinsurans bekerja sendiri dan tanggungannya di samping menyediakan rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional.

JENIS-JENIS PERKHIDMATAN TEKSI DAN PERKHIDMATAN SEUMPAMANYA

- Semua jenis perkhidmatan tekси/ kereta sewa seperti Teksi Bajet, Teksi Eksekutif, Limosin, Teksi Lapangan Terbang dan lain-lain.
- Semua jenis perkhidmatan e-hailing.

KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia / permastautin tetap tanpa mengira had umur ; dan
- Mempunyai lesen memandu (JPJ) yang sah; dan
- Mempunyai kad pemandu atau surat kebenaran dari LPKP (Sabah dan Sarawak) yang masih sah laku atau dokumen / maklumat bukti berdaftar dengan perkhidmatan e-hailing.

Laman Sesawang : www.perkeso.gov.my

Talian Khidmat Pelanggan : 1 300 22 8000

Pegawai Untuk Dihubungi :

- | | |
|-----------------------|----------------|
| 1. Marwan Ibrahim | - 012 611 9406 |
| 2. Yuhanisak Hamdan | - 012 607 1930 |
| 3. Nurul Asyikin | - 019 358 3892 |
| 4. Shobana A/P Darman | - 017 668 9189 |



JADUAL PILIHAN CARUMAN

Kadar caruman berdasarkan pilihan pendapatan bulanan diinsuranskan seperti dibawah:

Pelan	Pendapatan Bulanan Diinsuranskan	Bayaran Caruman Bulanan	Bayaran Caruman Setahun
1	RM1,050	RM13.10	RM157.20
2	RM1,550	RM19.40	RM232.80
3	RM2,950	RM36.90	RM442.80
4	RM3,950	RM49.40	RM592.80

PEMBAYARAN CARUMAN

- Pembayaran caruman secara bulanan dan tahunan.
- Pembayaran caruman boleh dibuat secara tunai di semua Pejabat PERKESO seluruh Negara.
- Pembayaran juga boleh dibuat secara *online* melalui perbankan internet di www.iperkeso.my
- Langkah-langkah pembayaran secara *online* adalah seperti berikut;
 - a) Layari www.iperkeso.my.
➤ Pilih "Bantuan"
 - Pilih "Bekerja Sendiri - Panduan Ringkas" (Penerangan lengkap tentang pendaftaran dan pembayaran caruman)
 - b) Daftar akaun iPERKESO.
 - c) Lakukan pengesahan melalui emel.
 - d) Lengkapkan butiran peribadi dan muat naik dokumen diperlukan.
 - e) Pilih pembayaran melalui "Financial Process Exchange".
 - f) Muat turun resit.

DOKUMEN DIPERLUKAN

- Lesen Memandu; dan
- Kad PSV atau Kad Pemandu / Surat kebenaran dari LPKP (Sabah dan Sarawak) yang masih sah laku atau dokumen / maklumat bukti berdaftar dengan perkhidmatan e-hailing.





FAEDAH-FAEDAH DI BAWAH SKIM BENCANA KERJA PEKERJAAN SENDIRI

FAEDAH YANG DISEDIAKAN :

- Faedah Perubatan
- Faedah Hilang Upaya Sementara
- Faedah Hilang Upaya Kekal
- Elaun Layanan Sentiasa
- Faedah Orang Tanggungan
- Faedah Pengurusan Mayat
- Faedah Pemulihan
- Faedah Pinjaman Pendidikan

FAEDAH PERUBATAN

- Orang berinsurans bekerja sendiri yang ditimpa bencana kerja boleh mendapat rawatan perubatan secara **percuma** di klinik panel PERKESO atau klinik / hospital Kerajaan; atau
- Membuat tuntutan bayaran ganti belanja kos rawatan di Pejabat PERKESO.

FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA

- Faedah Hilang Upaya Sementara dibayar kepada orang berinsurans bekerja sendiri sepanjang tempoh cuti sakitnya yang disahkan oleh doktor dan mestilah sekurang-kurangnya empat (4) hari termasuk hari kemalangan.
- Perlu mengemukakan sijil cuti sakit.
- Kadar bayaran **RM30.00 - RM105.33** sehari.

FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL

- Hilang upaya kekal erti hilang upaya yang berkekalan hingga mengurangkan keupayaan seseorang untuk menjalankan pekerjaannya. Tuntutan boleh dibuat selepas tamat tempoh cuti sakit.
- **Kadar bayaran sebanyak 90%** dari pilihan pendapatan bulanan yang diinsuranskan.
- Contoh pengiraan Faedah Hilang Upaya Kekal (bayaran pukal) jika taksiran sama dengan 20% dengan faktor umur 8873 (umur bawah 20 tahun) dan kadar caruman RM592.80.

$$= (\text{RM}3,950 \times 90\% \div 30 \text{ hari}) \times 20\% \times 8873$$

$$= \text{RM}210,290.10$$

FAEDAH ELAUN LAYANAN SENTIASA

- Elaun yang diberikan kepada orang berinsurans bekerja sendiri yang tidak berdaya dengan teruknya akibat bencana kerja sehingga memerlukan layanan tersendiri oleh orang lain.
- Disyorkan oleh Penilai Perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan.
- **Elaun bulanan** sebanyak **RM500.00**.

FAEDAH ORANG TANGGUNGAN

- Faedah Orang Tanggungan dibayar secara **bulanan** kepada orang tanggungan yang layak sekiranya orang berinsurans bekerja sendiri meninggal dunia akibat bencana kerja.
- Kadar bayaran sebanyak 90% daripada pilihan pendapatan bulanan yang diinsuranskan.

Orang Tanggungan Yang Layak

- Balu atau duda dan anak berumur di bawah 21 tahun
- Jika tiada balu, duda atau anak
 - i. Ibu atau bapa; atau
 - ii. Adik-beradik berumur di bawah 21 tahun; atau
 - iii. Datuk atau nenek (Jika ibu/bapa meninggal dunia)
- Duda/balu, ibu/bapa, datuk/nenek menerima **faedah sepanjang hayat**

- Anak menerima faedah sehingga berumur 21 tahun atau berkahwin (mana yang lebih awal). Jika sedang belajar di IPT, terima faedah sehingga mendapat ijazah pertama atau berkahwin (mana yang lebih awal)
- Contoh pengiraan bayaran Faedah Orang Tanggungan kepada **Isteri** dan **Anak**.

PELAN	PENDAPATAN BULANAN YANG DIINSURANSKAN	PENCEN BULANAN
1.	RM1,050	RM1,050 X 90% =RM945.00
2.	RM1,550	RM1,550X 90% =RM1,395.00
3.	RM2,950	RM2,950 X 90% =RM2,655.00
4.	RM3,950	RM3,950 X 90% =RM3,555.00

FAEDAH PENGURUSAN MAYAT

Faedah Pengurusan Mayat sebanyak **RM2,000.00** dibayar kepada orang tanggungan yang layak sekiranya orang berinsurans bekerja sendiri meninggal dunia akibat daripada bencana pekerjaan atau semasa menerima faedah hilang upaya.

FAEDAH PEMULIHAN

- Kemudahan permulihan dan vokasional secara **percuma**.
- Pemulihan jasmani seperti fisioterapi, pembedahan rekonstruktif, anggota tiruan, rawatan hemodialisis, kerusi roda, tilam khas, tongkat, *commode chair*, lampin dan lain-lain.
- Kemudahan vokasional seperti latihan dalam bidang elektrikal, jahitan, membaiki radio dan lain-lain.

FAEDAH PINJAMAN PENDIDIKAN

Faedah Pendidikan merupakan suatu kemudahan dalam bentuk **pinjaman atau biasiswa** kepada anak tanggungan penerima faedah berkala PERKESO dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.